



3 Mei 2021
3 May 2021
P.U. (A) 208

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)
(PENGECCUALIAN) 2021

PETROLEUM (INCOME TAX) (EXEMPTION) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PENGECUALIAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 65c(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2021**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan orang yang disebut dalam subperenggan (2) dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada peruntukan seksyen 49A Akta berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh daripada Blok PM3 Kawasan Perkiraan Komersial Malaysia-Vietnam.

(2) Orang yang disebut dalam subperenggan (1) ialah—

(a) Repsol Oil & Gas Malaysia Limited;

(b) Repsol Oil & Gas Malaysia (PM3) Limited;

(c) Petronas Carigali Sendirian Berhad; dan

(d) Petrovietnam Exploration Production Corporation Limited.